

Ramadhan Madrasah Takwa

Feb 2026/Ramadhan 1447H



MASJID
SRI SENDAYAN



**Firman Allah SWT,
yang bermaksud:**

*Wahai orang-orang
yang beriman!
Diwajibkan ke atas
kamu berpuasa
sebagaimana
diwajibkan ke atas
orang sebelum kamu
agar kamu bertakwa.”*

(SURAH AL-BAQARAH 2:183)

*Anas RA bertanya
kepada Nabi
Muhammad ﷺ
tentang puasa apakah
yang terbaik selepas
Ramadhan. Jawab
Nabi ﷺ: “Puasa di
bulan Syaaban untuk
mengagungkan
Ramadhan.” Ditanya lagi
tentang sedekah apakah
yang paling afdhal.
Jawab Nabi ﷺ: “Sedekah
di bulan Ramadhan.”*

(HADIS RIWAYAT TIRMIZI)

**Firman Allah SWT,
yang bermaksud:**

*... Sesungguhnya,
yang paling mulia
di antara kamu
di sisi Allah ialah
orang yang paling
bertakwa. Allah
Maha Mengetahui,
lagi Maha Teliti.*

(SURAH AL-HUJURAT 49:13)



DARI MIMBAR IMAM BESAR

Ustaz Haji Mohd Nazri bin Abu Zarim

RAMADHAN BULAN AL-QUR'AN DAN BULAN BERSEDEKAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi, Tuhan pentadbir semesta alam atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad ﷺ, keluarga baginda, para Sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kemudian. Ramadhan 1447H kini menjelma tiba, singgah sebulan dalam kehidupan kita. Bulan Ramadhan begitu mulia kerana padanya terhimpun segala kebaikan, tercurah padanya rahmat dan keberkatan dan terbuka luas padanya pintu bagi meraih keampunan pelepasan daripada api neraka. Banyaknya pintu ibadat seperti puasa, tarawih, qiamullail, tadabbur Al-Qur'an, sedekah, zikir, istighfar dan juga memenuhi masjid dan surau dengan iktikaf dan jamuan berbuka puasa.

Kehadiran Ramadhan pada tahun ini seharusnya disyukuri kerana Allah ﷻ memilih kita untuk menemui Ramadhan sedangkan ramai dalam kalangan kita yang tidak sempat. Justeru, doa yang kita panjatkan " وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ " (sampaikan kami untuk bertemu Ramadhan) menjadi peluang untuk kita mengisi madrasah Ramadhan ini dengan ketaatan.

Ramadhan dan Al-Qur'an punyai ikatan yang tak terpisah sehingga digelar sebagai bulan Al-Qur'an. Apabila disebut Ramadhan, di samping pensyariatan ibadah puasa, pasti kita akan teringat penurunan Al-Qur'an (*Nuzul al-Qur'an*). Penurunan Al-Qur'an berlaku di dalam dua peringkat; pertama, dari Luh al-Mahfuz ke Bait al-Izzah (langit dunia). Kedua, dari langit dunia kepada Nabi ﷺ secara berperingkat-peringkat dalam tempoh bermula Nabi Muhammad ﷺ diangkat menjadi rasul sehingga baginda wafat iaitu selama 23 tahun.

Marilah kita perhatikan bagaimana keadaan golongan salaf (generasi awal Islam iaitu para sahabat Nabi ﷺ, para tabi'in dan tabi' al-tabi'in dan para imam yang mewarisi ilmu dan pendidikan daripada generasi awal) dalam mengagungkan Al-Qur'an ketika bulan Ramadhan, semoga dapat dijadikan inspirasi dalam membaca Al-Qur'an dan dalam melaksanakan ibadah:

- Ibrahim al-Nakha'i Rahimahullah meriwayatkan bahawa al-Aswad mengkhataamkan bacaan Al-Qur'an dalam bulan Ramadhan setiap dua malam sekali. [*Siyar A'lam al-Nubala'*, 4/51]
- Qatadah Rahimahullah mengkhataamkan Al-Qur'an pada setiap tujuh hari sekali. Ketika tibanya

Ramadhan, beliau mengkhataamkan Al-Qur'an pada setiap 3 hari sekali. Manakala ketika tibanya sepuluh hari terakhir pada bulan Ramadhan, beliau mengkhataamkan Al-Qur'an sekali pada setiap hari. [*Siyar A'lam al-Nubala'*, 5/276]

- Daripada Mujahid Rahimahullah bahawasanya beliau mengkhataamkan Al-Qur'an pada bulan Ramadhan sebanyak sekali pada setiap malam. [*Al-Tibyan li al-Nawawi*, hlm. 74]
- Telah berkata al-Rabi' bin Sulaiman Rahimahullah bahawa al-Imam al-Syafi'e Rahimahullah mengkhataamkan Al-Qur'an sebanyak enam puluh kali pada bulan Ramadhan di luar bacaan solat. [*Siyar A'lam al-Nubala'*, 10/36]
- Al-Imam Malik Rahimahullah apabila tibanya bulan Ramadhan, beliau meninggalkan majlis pembacaan hadis dan beralih kepada Al-Qur'an.
- Selain daripada Al-Qur'an, Rasulullah ﷺ amat menggalakkan kita untuk berinfaq, dan baginda sendiri menjadi lebih pemurah pada bulan yang mulia ini.

Dalam sebuah hadis, daripada Ibn 'Abbas RA:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ، وَأَجْوَدَ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ، حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ، وَكَانَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ، فَيَدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْحَبْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ

Maksudnya: Nabi ﷺ seorang yang paling pemurah dan menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadhan ketika Jibril AS bertemu dengannya. Jibril AS bertemu dengan Nabi ﷺ pada setiap malam pada bulan Ramadhan untuk mengulang kaji Al-Qur'an dan kemudiannya Rasulullah ﷺ menjadi lebih pemurah daripada hembusan angin yang pantas.

(HADIS RIWAYAT BUKHARI: 3554)

Marilah kita bersama merebut segala peluang yang sudah terhidang ini dengan memanfaatkan setiap waktu yang terluang. Rebutlah selagi masih diberikan peluang istimewa ini, rebutlah Lailatul Qadar iaitu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Semoga dengan madrasah Ramadhan yang sedang kita tempuh ini akan menatijahkan ketakwaan sebagaimana firman Allah. Moga terbit keinsafan dalam hati sanubari yang akhirnya mendapat *mardhatillah* yang melayakkan kita menjadi hamba yang *rabbani*. Selamat menjalani tarbiyah dalam madrasah Ramadhan 1447 Hijrah.

Jadual Imam Tarawih

Tarikh Hijri (1447H)	Tarikh Masihi (2026)	Hari	Nama Imam Tarawih
1 Ramadhan	18 Feb	Rabu	Sheikh Mohamed Abdelnaby (Imam Masjid Sri Sendayan)
2 Ramadhan	19 Feb	Khamis	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
3 Ramadhan	20 Feb	Jumaat	Ustaz Muhammad Alifuddin bin Jamal (Imam Masjid Sri Sendayan)
4 Ramadhan	21 Feb	Sabtu	Ustaz Mohd Syazwan bin Shamsuddin (Pensyarah ITQAN)
5 Ramadhan	22 Feb	Ahad	Ustaz Suhaimi bin Hasyim (Pegawai Pendidikan KPM)
6 Ramadhan	23 Feb	Isnin	Sheikh Mohamed Abdelnaby (Imam Masjid Sri Sendayan)
7 Ramadhan	24 Feb	Selasa	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
8 Ramadhan	25 Feb	Rabu	Sheikh Mohamed Abdelnaby (Imam Masjid Sri Sendayan)
9 Ramadhan	26 Feb	Khamis	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
10 Ramadhan	27 Feb	Jumaat	Ustaz Muhammad Alifuddin bin Jamal (Imam Masjid Sri Sendayan)
11 Ramadhan	28 Feb	Sabtu	Ustaz Ahmad Badrul Hisyam Shah bin Rafiee (Pegawai Pendidikan KPM)
12 Ramadhan	1 Mac	Ahad	Mohamad Shukri bin Haji Abdul Kudus (Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JHEAINS)
13 Ramadhan	2 Mac	Isnin	Sheikh Mohamed Abdelnaby (Imam Masjid Sri Sendayan)
14 Ramadhan	3 Mac	Selasa	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
15 Ramadhan	4 Mac	Rabu	Sheikh Mohamed Abdelnaby (Imam Masjid Sri Sendayan)
16 Ramadhan	5 Mac	Khamis	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
17 Ramadhan	6 Mac	Jumaat	Ustaz Muhammad Alifuddin bin Jamal (Imam Masjid Sri Sendayan)
18 Ramadhan	7 Mac	Sabtu	Ustaz Ahmad Rijal bin Ghazali (Imam Masjid Negeri, Negeri Sembilan)
19 Ramadhan	8 Mac	Ahad	Ustaz Ahmad Naim bin Azlan (Pegawai Majlis Agama Islam Negeri Sembilan)
20 Ramadhan	9 Mac	Isnin	Sheikh Mohamed Abdelnaby (Imam Masjid Sri Sendayan)
21 Ramadhan	10 Mac	Selasa	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
22 Ramadhan	11 Mac	Rabu	Sheikh Mohamed Abdelnaby (Imam Masjid Sri Sendayan)
23 Ramadhan	12 Mac	Khamis	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
24 Ramadhan	13 Mac	Jumaat	Ustaz Muhammad Alifuddin bin Jamal (Imam Masjid Sri Sendayan)
25 Ramadhan	14 Mac	Sabtu	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
26 Ramadhan	15 Mac	Ahad	Ustaz Dr. Amru Alhaz bin Adnan (KPPK Cawangan Kajian Syariah Bahagian Penyelidikan JAKIM)
27 Ramadhan	16 Mac	Isnin	Sheikh Mohamed Abdelnaby (Imam Masjid Sri Sendayan)
28 Ramadhan	17 Mac	Selasa	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
29 Ramadhan	18 Mac	Rabu	Sheikh Mohamed Abdelnaby (Imam Masjid Sri Sendayan)
30 Ramadhan	19 Mac	Khamis	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
1 Syawal	20 Mac	Jumaat	TAKBIR RAYA AIDILFITRI 1447H/2026M (selepas Maghrib)

Jadual Imam Qiamullail

Tarikh Hijri (1447H)	Tarikh Masihi (2026)	Hari (awal pagi)	Nama Imam Qiamullail
21 Ramadhan	11 Mac	Rabu	Ustaz Muhammad Anas Fikri bin Mohd Nasir (Imam Masjid Sri Sendayan)
22 Ramadhan	12 Mac	Khamis	Ustaz Muhammad Alifuddin bin Jamal (Imam Masjid Sri Sendayan)
23 Ramadhan	13 Mac	Jumaat	Ustaz Naufal Wafi bin Mohd Fauzi (Bilal Masjid Sri Sendayan)
24 Ramadhan	14 Mac	Sabtu	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
25 Ramadhan	15 Mac	Ahad	Ustaz Muhammad Anas Fikri bin Mohd Nasir (Imam Masjid Sri Sendayan)
26 Ramadhan	16 Mac	Isnin	Ustaz Naufal Wafi bin Mohd Fauzi (Bilal Masjid Sri Sendayan)
27 Ramadhan	17 Mac	Selasa	Ustaz Muhammad Alifuddin bin Jamal (Imam Masjid Sri Sendayan)
28 Ramadhan	18 Mac	Rabu	Ustaz Muhammad Arif Munir bin Zulkafli (Bilal Masjid Sri Sendayan)
29 Ramadhan	19 Mac	Khamis	Ustaz Muhammad Arif Munir bin Zulkafli (Bilal Masjid Sri Sendayan)
30 Ramadhan	20 Mac	Jumaat	Ustaz Mohd Nazri bin Abu Zarim (Imam Besar Masjid Sri Sendayan)
1 Syawal	21 Mac	Sabtu	TAKBIR RAYA AIDILFITRI & SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI 1447H/2026M

Jadual Waktu Imsak & Waktu Berbuka Puasa

Tarikh Hijri (1447H)	Tarikh Masihi (2026)	Hari	Waktu Imsak	Waktu Berbuka
1 Ramadhan	19 Feb	Khamis	6:06 AM	7:29 PM
2 Ramadhan	20 Feb	Jumaat	6:06 AM	7:29 PM
3 Ramadhan	21 Feb	Sabtu	6:06 AM	7:29 PM
4 Ramadhan	22 Feb	Ahad	6:06 AM	7:29 PM
5 Ramadhan	23 Feb	Isnin	6:06 AM	7:29 PM
6 Ramadhan	24 Feb	Selasa	6:06 AM	7:29 PM
7 Ramadhan	25 Feb	Rabu	6:06 AM	7:28 PM
8 Ramadhan	26 Feb	Khamis	6:05 AM	7:28 PM
9 Ramadhan	27 Feb	Jumaat	6:05 AM	7:28 PM
10 Ramadhan	28 Feb	Sabtu	6:05 AM	7:28 PM
11 Ramadhan	1 Mac	Ahad	6:05 AM	7:28 PM
12 Ramadhan	2 Mac	Isnin	6:05 AM	7:28 PM
13 Ramadhan	3 Mac	Selasa	6:04 AM	7:28 PM
14 Ramadhan	4 Mac	Rabu	6:04 AM	7:28 PM
15 Ramadhan	5 Mac	Khamis	6:04 AM	7:27 PM

Tarikh Hijri (1447H)	Tarikh Masihi (2026)	Hari	Waktu Imsak	Waktu Berbuka
16 Ramadhan	6 Mac	Jumaat	6:04 AM	7:27 PM
17 Ramadhan	7 Mac	Sabtu	6:03 AM	7:27 PM
18 Ramadhan	8 Mac	Ahad	6:03 AM	7:27 PM
19 Ramadhan	9 Mac	Isnin	6:03 AM	7:27 PM
20 Ramadhan	10 Mac	Selasa	6:03 AM	7:27 PM
21 Ramadhan	11 Mac	Rabu	6:02 AM	7:26 PM
22 Ramadhan	12 Mac	Khamis	6:02 AM	7:26 PM
23 Ramadhan	13 Mac	Jumaat	6:02 AM	7:26 PM
24 Ramadhan	14 Mac	Sabtu	6:01 AM	7:26 PM
25 Ramadhan	15 Mac	Ahad	6:01 AM	7:26 PM
26 Ramadhan	16 Mac	Isnin	6:01 AM	7:25 PM
27 Ramadhan	17 Mac	Selasa	6:00 AM	7:25 PM
28 Ramadhan	18 Mac	Rabu	6:00 AM	7:25 PM
29 Ramadhan	19 Mac	Khamis	6:00 AM	7:25 PM
30 Ramadhan	20 Mac	Jumaat	5:59 AM	7:24 PM

*Sumber: JAKIM.

**Tarikh 1 Ramadhan dan 1 Syawal akan diisytiharkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia.

Selamat menyambut dan menghayati bulan Ramadhan yang mulia diucapkan kepada semua ahli qariah dan jemaah sekalian. Ayuh, kita sama-sama memanfaatkan masjid kita bersama untuk memperbanyak amal ibadah dan amal soleh.

Ikhlas daripada Pengerusi, Badan Pengurusan, Pegawai dan AJK Masjid Sri Sendayan

LOT SUMBANGAN IFTAR & MOREH RAMADAN 1447H/2026M

Satu Lot
RM100

Sehari
64 Lot

Cara untuk memberi sumbangan:

Imbas
QR



Secara Tunai:

Di pejabat pengurusan
Masjid Sri Sendayan

Melalui Bank (Cek/Pindahan Wang):

Masjid Sri Sendayan
RHB 25510400006590
(Reference: Ihya Ramadan)

Maklumat Lanjut:

+606 775 9119 (Pejabat)
+6011 1140 7353 (Ustaz Anas)

“ Sabda Rasulullah ﷺ, yang bermaksud:
Siapa yang berpuasa dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredhaan Allah ﷻ, maka akan diampunkan segala dosanya yang telah lalu.

(HADIS RIWAYAT BUKHARI) ”

NANTIKAN!

Buku
‘PANDUAN AMALAN HARIAN’
akan diterbitkan oleh Masjid
Sri Sendayan tidak lama lagi.



Mengandungi:

SURAH-SURAH PILIHAN • ADAB • DOA
• ZIKIR • SUJUD • SOLAT SUNAT
• SOLAT KHAS • TAHLIL • SELAWAT
• ASMA'UL HUSNA

SELAYANG PANDANG

PROGRAM-PROGRAM DAN AKTIVITI DI MASJID SRI SENDAYAN

PROGRAM DERMA DARAH

Program Derma Darah telah dijalankan pada Jumaat, 14 November 2025 dengan kerjasama Unit Perubatan Transfusi, Hospital Tuanku Ampuan Najihah. Seramai 34 orang telah berjaya menderma darah dan seramai 9 orang tidak melepasi saringan. Semoga usaha ini membantu mencukupkan bekalan darah hospital untuk mereka yang memerlukan.



PROGRAM SIRI JELAJAH SUBURKAN WAKAF

Program Bulan Zakat MAINS 2025 telah berlangsung pada Jumaat, 5 Disember 2025, dengan kehadiran kaunter Van Bergerak MAINS, ruai penerangan serta kemudahan Tabung Wakaf.



Program ini bertujuan memudahkan urusan masyarakat serta meningkatkan kesedaran berkaitan zakat dan wakaf. Program ini turut diisi dengan Tazkirah Jumaat bertajuk "Suburkan Amalan Berwakaf Dalam Hidup Sehari-hari" yang disampaikan oleh PU Raihan, serta Khutbah Jumaat bertajuk "Zakat Jambatan Kasih Sayang" oleh Ustaz Muhammad Anas Fikri bin Mohd Nasir, Imam Masjid Sri Sendayan.

MAJLIS ZIKIR



Majlis Zikir di Masjid Sri Sendayan pada 14 November 2025 dan seterusnya pada 9 Januari 2026 telah dipimpin oleh Ustaz Mohd Hasif bin Dato' Haji Mohd Murtadza yang merupakan

Syaikh Tarekah Al-Ahmadiyah Al-Idrisiah Al-Rasyidiah Al-Dandarawiah. Semoga dengan adanya majlis seperti ini dapat membawa diri kita semakin dekat dengan Allah SWT.

PROGRAM BERSAMA MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN



Pada Jumaat, 12 Disember 2025, telah berlangsung Program Bersama Mufti Wilayah Persekutuan. Program juga turut dihadiri

oleh pewakaf dan Pengerusi Masjid Sri Sendayan, Ybhg. Tan Sri Abdul Rashid Hussain. Semoga perkongsian yang disampaikan oleh Sohibus Samahah bermanfaat kepada semua yang hadir.

PROGRAM PEMBELIAN & PENGUMPULAN PAKAIAN TERPAKAI



Program Pembelian & Pengumpulan Pakaian Terpakai anjuran Masjid Sri Sendayan dan Anak Muda Utara (AMU) telah berlangsung pada Sabtu hingga Isnin, 22-24 November 2025 dengan kadar pembelian sebanyak 10 sen/kg. Pakaian-pakaian yang terkumpul sebanyak 40 tan ini akan diuruskan dan diserahkan oleh pasukan AMU kepada beberapa NGO untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan termasuk asnaf serta mangsa bencana di sekitar Semenanjung Malaysia. Diharapkan sumbangan ini dapat meringankan beban mereka yang terkesan.

PROGRAM MUNAJAT CINTA AR-RAHMAN

Program Munajat Cinta Ar-Rahman untuk muslimah anjuran bersama Masjid Sri Sendayan, Bidaura, Milymaryam, Avisienna Dental Care dan Gigi & Jiwa Podcast telah berlangsung pada Ahad, 21 Disember 2025. Program ini berlangsung dengan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para peserta. Diharapkan program seperti ini dapat memberi manfaat, menambah pengisian rohani serta mengeratkan ukhuwah.



MAJLIS ULANGTAHUN SAHABAT AL-QURAN



Majlis Ulang Tahun Sahabat Al-Quran telah berlangsung pada Khamis, 27 November 2025 diisi dengan pelbagai pengisian rohani termasuk solat tasbeeh, tazkirah, bacaan doa serta aktiviti sambutan

yang bertujuan mengeratkan ukhuwah dan menyemarakkan kecintaan terhadap Al-Quran. Program ini turut dihadiri oleh isteri pewakaf Masjid Sri Sendayan, Puan Sri Hani Yang.

PROGRAM KHATAN PERDANA



Program Khatan Perdana telah berlangsung di Masjid Sri Sendayan dengan kerjasama Klinik Munir serta pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia Cawangan Seremban 2 pada Ahad, 28 Disember 2025. Seramai 41 orang peserta yang telah berjaya dikhatankan.

PROGRAM SALADDIN GENERATION



Program Saladdin Generation yang dijalankan pada 29-31 Disember 2025 (Isnin-Rabu) telah dihadiri 100 orang peserta terdiri dari lingkungan 6-10 tahun. Program ini penuh dengan pengisian bermanfaat merangkumi aktiviti pembentukan sahsiah, kerohanian serta penerapan nilai-nilai akhlak mulia.

PROGRAM KHAS TAZKIRAH & KHATIB JUMAAT



Program Khas Tazkirah & Khatib Jumaat bersama, Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Mantan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) telah berlangsung pada Jumaat, 9 Januari 2026. Beliau turut beramah mesra dan bersalaman dengan orang ramai di perkarangan masjid sebelum beliau berangkat pulang.

CERAMAH PERDANA AMBANG TAHUN BAHARU 2026

Pada Khamis, 1 Januari 2026, Ceramah Perdana Ambang Tahun Baharu 2026 telah disampaikan oleh Dato' Mohammad Ustaz Kazim bin Elias, Pengasas & Pengerusi Pusat Pendidikan Al-Barakah. Tajuk yang disampaikan ialah "Sisa Usiaku Adalah Untuk-Mu". Ceramah ini penuh pengisian rohani bersempena ambang tahun baharu, mengajak para jemaah untuk melakukan muhasabah diri, serta memperbaharui azam ke arah kehidupan yang lebih diredhai Allah SWT.



BENGGEL PENGURUSAN JENAZAH MUSLIMAH

Bengkel Pengurusan Jenazah Muslimah telah dijalankan pada Khamis, 22 Januari 2026. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Ustazah Hajah Maimon binti Mahmud, pendakwah bebas, dengan memberi pendedahan dan latihan praktikal berkaitan pengurusan jenazah muslimah khususnya teknik mengkafan yang betul dan teratur.



CERAMAH PERDANA ISRAK & MIKRAJ



Pada Sabtu, 24 Januari 2026 telah berlangsung Ceramah Perdana Israk & Mikraj "Ibadahku Hanyalah Untuk-Mu" yang disampaikan oleh Ustaz Mohammad Wadi Annuar bin Ayub. Majlis mendapat sambutan yang amat baik daripada para jemaah. Dianggarkan kehadiran melebihi 10,000 orang. Semoga ceramah ini memberi pengisian rohani yang bermanfaat kepada para hadirin.

Ikuti kami di laman sosial Masjid Sri Sendayan

Untuk memudahkan semua ahli qariah, pengunjung dan pengikut Masjid Sri Sendayan mendapatkan maklumat terkini mengenai sebarang program dan pengumuman, kami telah mengemas kini aset digital dan maklumat perhubungan Masjid Sri Sendayan seperti berikut:

- Laman web** : www.masjidsrisendayan.com.my
- Facebook** : @masjidsrisendayanofficial
- Instagram** : @masjidsrisendayanofficial
- YouTube** : @masjidsrisendayanofficial
- TikTok** : @masjidsrisendayan
- Alamat E-mel** : inquiry@masjidsrisendayan.com.my
- No Telefon** : +606 775 9119

Jangan lupa ikuti kami di laman rasmi media sosial Masjid Sri Sendayan bagi mendapatkan maklumat tentang butiran lanjut mengenai Sahabat Masjid, maklumat program dan aktiviti masjid yang akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Tuan puan juga boleh berkongsi pendapat mengenai program dan aktiviti bagi Masjid Sri Sendayan dengan memberi maklum balas di media sosial kami.


Imbas & Infaq
DuitNow



www.masjidsrisendayan.com.my

Infaq anda boleh disalurkan menerusi:

Bank Muamalat 05010004401718 **RHB Bank** 25510400006590



MASJID
SRI SENDAYAN